

BULETIN SUKAN

EDISI MAC DAN APRIL 2025

KEJOHANAN VARSITY TRACK AND FIELD 2025 (VTF 1)

Sekalung tahniah diucapkan buat Pasukan Olahraga UPM kerana berjaya mengekalkan kejuaraan di Kejohanan Varsity Track and Field 2025 (VTF 1) dengan memperolehi 14 Emas, 14 Perak dan 10 Gangsa. Kejohanan ini telah berlangsung di Stadium Kluang, Johor pada 25 hingga 27 April 2025 lalu.

Untuk makluman, empat rekod baharu telah berjaya dipecahkan oleh atlet UPM seperti berikut:

1. Muhammad Fakrul Afizul bin Nasir, 400m Lari Berpagar, 53.92s
2. Elrick AK Roslee, Rejam Lembing, 61.79m
3. Lie Yee Teng, 100m Lari Berpagar, 14.72s
4. Universiti Putra Malaysia, 4x400m, 4:03.93s

Semoga kejayaan ini dapat menambah motivasi dalam diri setiap atlet untuk lebih cemerlang di kejohanan seterusnya.



VARSIY SEPAKTAKRAW LEAGUE 2025 (SIRKIT 1)

Sekalung tahniah buat Pasukan Sepak takraw UPM kerana berjaya membawa pulang 1 Emas dan 1 Gangsa di Kejohanan Varsity Sepaktakraw League 2025 (Sirkuit 1). Kedua pingat berjaya dirangkul menerusi acara Beregu oleh pasukan UPM A sebagai juara dan UPM B tempat Ketiga. Untuk makluman, Kejohanan ini merupakan anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi kerjasama Universiti Putra Malaysia bersama Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Kejohanan ini telah berlangsung 6 hingga 19 April 2025 bertempat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).



KEJOHANAN 16TH ASIAN LAWN BOWLS CHAMPIONSHIP 2025

Sekalung tahniah buat tiga atlet Lawn Bowls UPM kerana berjaya menuai empat pingat Emas di Kejohanan 16th Asian Lawn Bowls Championship 2025. Amirul Danial bin Abdul Rahim, mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM berjaya merangkul 2 pingat Emas menerusi acara Men's Pairs dan Men's Fours. Ain Nurnajwa binti Sam @ Norhisham, mahasiswa Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM berjaya merangkul 1 pingat Emas melalui acara Women's Singles U25 dan Muhammad Fikri bin Mohamed Hashim, mahasiswa Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM merangkul 1 pingat Emas bagi acara Mixed Pairs U25. Kejayaan mereka telah menyumbang pungutan pingat keseluruhan 7 pingat Emas, 2 Perak dan 1 Gangsa sekaligus pasukan Malaysia mengekalkan gelaran juara keseluruhan di peringkat serantau Asia. Untuk makluman, kejohanan ini telah berlangsung pada 27 April hingga 5 Mei 2025 bertempat di Clark, Philippines.



KEJOHANAN RAGBI ANTARABANGSA BORNEO 7'S 2025



Sekalung tahniah buat Pasukan Ragbi Malaysian University (MU) atas kejayaan muncul tempat kelima (Plate Champion) selepas mengalahkan Thailand All for One (29-12) di Kejohanan Ragbi Antarabangsa Borneo 7's pada 19 dan 20 April 2025 bertempat di Eagles Rugby Club, Sandakan, Sabah.

PROGRAM JELAJAH KEMASUKAN KE UPM SESI 2025/2026

Program Jelajah Kemasukan ke UPM sesi 2025/2026: Siri 1

Program Jelajah Kemasukan ke Universiti Putra Malaysia sesi 2025/2026 Siri 1 telah dijalankan di Sekolah Sukan Malaysia Pahang, Gambang pada 26 Februari 2025. Program ini diketuai oleh En. Muhamad Malik Ahmd Tobias, Timbalan Pengarah Pengembangan Atlet dan Staf bersama pegawai dan staf Unit Penyediaan dan Hal Ehwal Atlet. Program ini bertujuan untuk menarik minat atlet yang berbakat di sekolah ini untuk sambung pelajaran peringkat universiti di Universiti Putra Malaysia.



Program Jelajah Kemasukan ke UPM sesi 2025/2026: Siri 2

Program Jelajah Kemasukan ke Universiti Putra Malaysia sesi 2025/2026 Siri 2 bagi pelajar-pelajar Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI) pada 13 Mac 2025 (Khamis). Pelajar-pelajar telah diberi taklimat akademik bagi kemasukan ke Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi sesi 2025/2026.



SUKAN ANTARA PUSAT SUKAN (SUPSAT) 2025

Sukan Antara Pusat Sukan (SUPSAT) yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah melabuhkan tirai. Syabas dan tahniah buat pasukan UPM yang berjaya membawa pulang 3 pingat Gangsa menerusi acara Woodball Berpasukan Lelaki dan Wanita serta acara Sukan Rakyat semasa kejohanan berlangsung di Stadium Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor pada 25 hingga 26 April 2025. Sekalung penghargaan buat tuan rumah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas penganjuran tahun ini.



MAJLIS PENUTUP BENGKEL PERANCANGAN PROGRAM PUSAT SUKAN TUMPUAN (PST) SEPAKTAKRAW 2025



Telah berlangsung Majlis Penutup Bengkel Perancangan Program Pusat Sukan Tumpuan Sepaktakraw bertempat di Royal Park Hotel, UNITEN pada 25 Mac 2025.

YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan, UPM, telah memberi ucap tama dan majlis penutup pula telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Hanafiah Bin Ayub, Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan Strategik Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Turut hadir bersama En. Muhammad Malik Ahmad Tobias, Timbalan Pengarah Pengembangan Atlet Dan Staf Akademi Sukan UPM, wakil Seksyen Sukan KPT, Jurulatih, Pegawai UPM dan wakil Atlet PST Sepaktakraw.

Tujuan bengkel ini adalah bagi mendapatkan input daripada pegawai dan jurulatih dalam penghasilan perancangan program pembangunan sukan Sepaktakraw bagi tahun 2025.

Unit Pengelolaan Sukan Pelajar di bawah Seksyen Pembudayaan Sukan telah menganjurkan Klinik Sukan Kolej (Memanah, Tenis & Pickleball) pada 13 April 2025 dan Klinik Sukan Kolej (Golf & Skausy) pada 19 April 2025. Seramai 90 orang pelajar UPM telah menghadiri klinik ini yang diadakan bermula jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di sekitar UPM.

Klinik ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan taktikal dalam memanah, tenis, pickleball, golf dan skuasy sambil menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan pelajar kolej. Selain itu, klinik ini juga memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, kerjasama, dan pengurusan emosi, serta menggalakkan keseimbangan antara akademik dan aktiviti kokurikulum.

Melalui penyertaan dalam sukan, pelajar dapat mewujudkan komuniti yang inklusif dan saling menyokong, sambil membangunkan potensi diri dan kesihatan mental yang lebih baik.



**KEJOHANAN LARI BERGANTI-GANTI JALANRAYA SUKAN KOLEJ UPM
SESI 2024/2025**

Telah berlangsung Kejohanan Lari Berganti-ganti Jalanraya Sukan Kolej UPM (SUKPRA) sesi 2024/2025 di Akademi Sukan, UPM. Kejohanan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Madya Dr. Amini Amir Bin Abdullah, Pengerusi Jemaah Pengetua Kolej-Kolej Kediaman Universiti Putra Malaysia dan turut hadir bersama YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan dan En. Muhammad Malik Bin Ahmad Tobias, Timbalan Pengarah Pengembangan Atlet & Staf. Syabas dan tahniah buat semua kolej yang menyertai kejohanan ini. Berikut merupakan keputusan kejohanan kali ini:

Keseluruhan Kategori Lelaki:

1. Kolej 10
2. Kolej Tun Dr Ismail
3. Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah

Keseluruhan Kategori Wanita:

1. Kolej Tun Dr Ismail
2. Kolej Pendeta Zaaba
3. Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah

Berpasukan Kategori Wanita:

1. Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee
2. Kolej Tun Dr Ismail
3. Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah

Berpasukan Kategori Lelaki:

1. Kolej Canselor UPM
2. Kolej 10
3. Kolej Tun Dr Ismail, UPM



SEKSYEN PEMBUDAYAAN SUKAN

**KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UNIVERSITI PUTRA
MALAYSIA SESI 2024/2025 SEMESTER 2**

NO.	SUKAN	LELAKI	WANITA
		CAMPURAN	
1.	BOLA SEPAK	KPZ B	
2.	TENIS	KTMB A	
3.	LARI BERGANTI JALANRAYA	KC	KTMB
4.	SKUASY	KTDI A	KTDI A
5.	CATUR	KC A	K14 A
6.	SEPAKTAKRAW	KC B	
7.	RAGBI	KOSASS	KOSASS
8.	GOLF	KTDI	KC
9.	BOLA JARING		
10.	MEMANAH		
11.	SOFBOL		
12.	BOLA TAMPAR		
13.	OLAHRAGA		
14.	AERODANCE		

TAKLIMAT KESEDARAN DAN PEMANTAPAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Akademi Sukan telah mengadakan Taklimat Kesedaran dan Pemantapan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara dalam talian bertujuan untuk mewujudkan kesedaran dan membudayakan amalan EKSA secara konsisten dalam kalangan warga Akademi Sukan. Taklimat telah disampaikan oleh fasilitator jemputan daripada Fakulti Sains UPM iaitu Puan Puan Zaidina Md Daud, Pegawai Sains. Taklimat yang disampaikan secara dalam talian bermula jam 2.00 petang di mana fasilitator telah berkongsi tentang latar belakang 5S dan pengenalan EKSA, pelaksanaan EKSA, kriteria EKSA, pengauditan persijilan EKSA dan contoh amalan baik EKSA. Beliau turut berkongsi 5 perkara penting dalam penjenamaan semula 5S kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) iaitu imej korporat, persekitaran kerja yang kondusif, kepelbagaian agensi, kreativiti serta inovasi dan amalan hijau. Pengisian taklimat ini memberikan contoh secara visual bagi membantu warga Akademi Sukan melaksanakan EKSA dengan lebih berkesan.



SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

EDARAN BUBUR LAMBUK AKADEMI SUKAN X MAXIS

Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Maxis Hotlink telah menganjurkan program edaran bubur lambuk khas untuk seluruh warga UPM serta jemaah Solat Jumaat di Masjid Universiti Putra Malaysia pada 21 Mac 2025 lalu. Tujuan utama program ini adalah untuk mengeratkan silaturahim, berkongsi rezeki serta menyemai rasa syukur dalam kalangan komuniti UPM dan jemaah sekitar Serdang, selaras dengan semangat bulan Ramadan yang penuh keberkatan.



SEKSYEN PERUNDINGAN, JARINGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2025 DAN MAJLIS PELANCARAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) PERINGKAT AKADEMI SUKAN, UPM

Telah berlangsung Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025 dan Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) peringkat Akademi Sukan, UPM pada 30 April 2025 bertempat di Foyer Akademi Sukan, UPM. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohammad Hamiruce Marhaban, Pengarah Akademi Sukan, UPM. Turut diraikan Puan Siti Maisarah Abdul Samad yang bertukar ke Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, UPM. Sekalung terima kasih atas bakti dan dedikasi yang telah dicurahkan sepanjang bertugas di Akademi Sukan, UPM. Didoakan semoga beliau terus cemerlang dan dipermudahkan urusan di Pusat Tanggungjawab baru.



SEKSYEN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN